

17/06/2003

Syor sebut harga petrol dalam euro

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebut harga minyak yang kini dibuat dalam dolar Amerika Syarikat (AS), perlu disemak semula berikutan kejatuhan nilai mata wang itu sejak kebelakangan ini.

Perdana Menteri berkata, minyak diniagakan dalam dolar AS bertujuan memudahkan urusan niaga dan perakaunan, tetapi sebagaimana mata wang lain, nilainya turut turun naik.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, hanya tiga tahun lalu, seunit mata wang euro adalah bersamaan dengan kira-kira 80 cent AS tetapi sekarang nilainya adalah sekitar AS\$1.2.

"Adalah jelas, berbanding euro, dolar AS sudah merosot sebanyak 40 cent AS, dan kerana minyak disebut harga dalam dolar AS, negara pengeluar kini memperoleh pendapatan lebih rendah.

"Ini lebih-lebih lagi dirasakan negara yang perlu mengimport dari Eropah serta Jepun, dan bagi Malaysia, kos hutang dalam mata wang yen akan meningkat.

"(Oleh itu) banyak negara miskin akan sekali lagi menderita akibat kesalahan yang tidak mereka lakukan," katanya pada majlis perasmian Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia Kelapan, di Kuala Lumpur.

Teks ucapan beliau dibacakan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, mungkin lebih baik jika pembayaran bagi penjualan minyak oleh negara pengeluar dibuat dalam euro yang bersamaan dengan dolar AS.

Oleh yang demikian, katanya, kenaikan mata wang itu akan memberikan manfaat kepada negara pengeluar..

Beliau berkata, jika euro merosot berbanding dolar AS pula, maka pembayaran dibuat dalam dolar AS.

"Kaedah itu adalah seperti melindungi nilai," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menentang dana lindung nilai kerana negara ini kehilangan berbilion dolar kerana dana berkenaan.

Namun, Dr Mahathir berkata, bukannya mekanisme lindung nilai itu yang tidak baik, sebaliknya kegiatan memanipulasi bagi menurun atau menaikkan mata wang, yang secara jelas membawa keburukan, yang ditentang oleh Malaysia.

"Tetapi, perubahan nilai (mata wang) yang tidak dimanipulasi kerana sebab yang tidak dapat dielakkan, perlu dilindung nilai. Justeru, sudah sampai masanya sebut harga minyak dalam dolar AS disemak semula.

"Adalah adil untuk pengeluar minyak dilindungi daripada pasaran mata wang yang tidak menentu, terutama pendedahannya kepada tindakan manipulasi oleh penyangk mata wang," katanya.

Sementara itu, Abdullah dalam sidang media kemudiannya, berkata Malaysia

mahu sebut harga minyak disemak bagi membolehkan pengeluar minyak Asia

memperoleh faedah daripada penetapan yang lebih baik harga komoditi itu.

Katanya, mekanisma itu bergantung kepada prestasi mata wang yang digunakan bagi sebut harga minyak.

Beliau memberikan contoh, jika euro meningkat berbanding dolar AS, negara pengeluar minyak akan mendapat manfaat andainya harga minyak disebut dalam euro.

"Mekanisma ini akan memberikan keanjalan kepada syarikat minyak untuk memutuskan mana yang terbaik," katanya.